



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


15 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 265 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 244,004 kes. Tiga (3) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di daerah Ranau, Tawau dan Kota Belud. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 144 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 236,335 orang. Manakala 738 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 395 orang di hospital, 335 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, tujuh (7) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 31 orang merangkumi 28 di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan sembilan (9) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 24 (26.67%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning empat (4) daerah.
- Zon Jingga tujuh (7) daerah.
- Zon Merah 16 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Kes harian kembali meningkat hari ini dengan 21 kes lebih tinggi daripada semalam, menjadikan jumlah kes keseluruhan sebanyak 265 kes.
- b. Kota Kinabalu mencatat kes baharu tertinggi sebanyak 70 kes, diikuti daerah Papar dengan 23 kes (+7), Ranau 23 kes (-4), Penampang 19 kes (-31), Tuaran 19 kes (-5) dan Kota Belud 18 kes (-1).
- c. Secara keseluruhan, 10 daerah mencatatkan kes pada dua (2) angka berbanding 11 daerah yang mencatat kes baharu pada satu (1) angka dan 6 daerah tidak mencatatkan sebarang kes baharu. Daerah Penampang merekodkan jumlah penurunan (-31) yang paling besar.
- d. Satu kluster baharu komuniti telah dikesan di Daerah Kuala Penyu. Kluster yang diberi nama Kluster Kayul itu tercetus apabila kes indeks iaitu seorang warganegara berumur 62 tahun dikesan positif setelah menjalani ujian RTK Antigen. Kes indeks didapati telah mengadakan majlis keagamaan bertempat di Kg Kayul yang dihadiri oleh ahli keluarga dari Kg Kayul, Kg Kebunau dan Kg Gerowot. Saringan pengesanan keatas kontak rapat telah dijalankan dan setakat ini mendapati 24 kes lagi termasuk empat (4) kes baharu pada hari ini.
- e. Sejumlah 261 dari 265 kes yang direkodkan adalah dalam Kategori 1 dan 2. Terdapat satu (1) kes dalam Kategori 3, dua (2) kes dalam Kategori 4 dan satu (1) kes dalam Kategori 5.
- f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (164) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Bil. | Kategori Saringan | Bilangan Kes | Peratusan |
|---------------|--------------------|--------------|-------------|
| 1 | Kluster | 4 | 1.51% |
| 2 | Bergejala | 70 | 26.42% |
| 3 | Kontak | 164 | 61.89% |
| 4 | Bersasar | 0 | 0.00% |
| 5 | Lain-lain Saringan | 27 | 10.18% |
| JUMLAH | | 265 | 100% |

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (14 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

| Bil. | Daerah | Catatan Kes 14/01/2022 | Catatan Kes 15/01/2022 | Perbandingan |
|---------------|---------------|---------------------------|---------------------------|--------------|
| 1 | Kota Kinabalu | 44 | 70 | +26 |
| 2 | Putatan | 4 | 13 | +9 |
| 3 | Papar | 16 | 23 | +7 |
| 4 | Beaufort | 4 | 10 | +6 |
| 5 | Tuaran | 14 | 19 | +5 |
| 6 | Sandakan | 5 | 10 | +5 |
| 7 | Keningau | 9 | 13 | +4 |
| 8 | Tenom | 2 | 6 | +4 |
| 9 | Tongod | 0 | 3 | +3 |
| 10 | Tawau | 6 | 8 | +2 |
| 11 | Beluran | 2 | 4 | +2 |
| 12 | Sipitang | 3 | 4 | +1 |
| 13 | Kudat | 1 | 2 | +1 |
| 14 | Semporna | 0 | 1 | +1 |
| 15 | Lahad Datu | 5 | 5 | Mendatar |
| 16 | Kunak | 0 | 0 | Mendatar |
| 17 | Penampang | 50 | 19 | -31 |
| 18 | Telupid | 5 | 0 | -5 |
| 19 | Ranau | 27 | 23 | -4 |
| 20 | Kuala Penyu | 9 | 6 | -3 |
| 21 | Pitas | 3 | 0 | -3 |
| 22 | Kota Marudu | 7 | 5 | -2 |
| 23 | Nabawan | 2 | 0 | -2 |
| 24 | Kinabatangan | 2 | 0 | -2 |
| 25 | Tambunan | 4 | 3 | -1 |
| 26 | Kalabakan | 1 | 0 | -1 |
| 27 | Kota Belud | 19 | 18 | -1 |
| JUMLAH | | 244 | 265 | +21 |

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Kategori Kes | | | | | Bilangan Kes Baharu | Kes Terkumpul 15 Hari (1 Januari – 14 Januari) |
|---------------|------------------|-----------------|--------------------|-------------------|--------------------|---------------------|--|
| | Saringan Kluster | Saringan Kontak | Saringan Bergejala | Saringan Bersasar | Lain-lain Saringan | | |
| Kota Kinabalu | 0 | 45 | 20 | 0 | 5 | 70 | 568 |
| Ranau | 0 | 18 | 0 | 0 | 5 | 23 | 244 |
| Papar | 0 | 15 | 8 | 0 | 0 | 23 | 190 |
| Penampang | 0 | 11 | 7 | 0 | 1 | 19 | 289 |
| Tuaran | 0 | 13 | 5 | 0 | 1 | 19 | 322 |
| Kota Belud | 0 | 15 | 3 | 0 | 0 | 18 | 247 |
| Keningau | 0 | 7 | 4 | 0 | 2 | 13 | 158 |
| Putatan | 0 | 7 | 5 | 0 | 1 | 13 | 80 |
| Sandakan | 0 | 5 | 4 | 0 | 1 | 10 | 94 |
| Beaufort | 0 | 6 | 4 | 0 | 0 | 10 | 103 |
| Tawau | 0 | 5 | 2 | 0 | 1 | 8 | 63 |
| Kuala Penyu | 4 | 0 | 2 | 0 | 0 | 6 | 98 |
| Tenom | 0 | 5 | 1 | 0 | 0 | 6 | 96 |
| Kota Marudu | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 | 5 | 124 |
| Lahad Datu | 0 | 2 | 0 | 0 | 3 | 5 | 30 |
| Sipitang | 0 | 2 | 2 | 0 | 0 | 4 | 55 |
| Beluran | 0 | 2 | 0 | 0 | 2 | 4 | 31 |
| Tambunan | 0 | 1 | 1 | 0 | 1 | 3 | 90 |
| Tongod | 0 | 0 | 2 | 0 | 1 | 3 | 24 |
| Kudat | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 2 | 32 |
| Semporna | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 8 |
| Telupid | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 27 |
| Pitas | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 19 |
| Kinabatangan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 35 |
| Nabawan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 31 |
| Kalabakan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 7 |
| Kunak | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 6 |
| JUMLAH | 4 | 164 | 70 | 0 | 27 | 265 | 3,071 |

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Nama Kluster | Jumlah Kes Baharu |
|-------------|---------------|-------------------|
| Kuala Penyu | Kluster Kayul | 4 |
| | Jumlah | 4 |

6 Terdapat **satu (1) kluster** baharu direkodkan hari ini.

Kluster Kayul - Kuala Penyu dikesan di daerah Kuala Penyu melibatkan sebuah majlis keagamaan. Kes indeks merupakan lelaki tempatan, 62, yang disahkan positif COVID-19 melalui ujian RTK Antigen pada 11 Januari 2022, selepas bergejala demam dan batuk sejak 05 Januari 2022. Hasil penelitian, kes indeks pernah mengadakan majlis keagamaan di kediamannya, Kg Kayul dan dihadiri ahli keluarga dari Kg Kayul, Kg Kebunau dan Kg Gerowot. Susulan saringan kontak rapat, terdapat pertambahan kes yang terdiri daripada kontak serumah dan kontak sosial yang melibatkan majlis keagamaan tersebut. Jumlah kumulatif bagi kluster ini ialah 25 kes termasuk empat (4) kes baharu yang dilaporkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,837 unit

- Hospital 1,240 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,407 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 19.23%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 15 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

| Import/Tempatan | |
|------------------------------------|------------|
| Tempatan | 260 |
| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | 1 |
| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | 1 |
| Orang Dalam Tahanan /Banduan | 3 |
| Jumlah | 265 |

| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | |
|---|----------|
| Brunei | 1 |
| Jumlah | 1 |

| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | |
|--|----------|
| WP Kuala Lumpur | 1 |
| Jumlah | 1 |

ii. Kewarganegaraan

| Kewarganegaraan | |
|------------------------|------------|
| Malaysia | 258 |
| Bukan Malaysia | 7 |
| Jumlah | 265 |

iii. Status Vaksinasi

| Status Vaksinasi | |
|-------------------------------|------------|
| Belum Layak Vaksin (Bawah 12) | 50 |
| Belum Menerima Vaksin | 24 |
| Menerima 1 Dos | 0 |
| Lengkap 2 Dos | 168 |
| Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak | 23 |
| Jumlah | 265 |

iv. Umur

| Umur (Tahun) | |
|---------------------|------------|
| <1 | 5 |
| 1 to 5 | 21 |
| 6 to 11 | 24 |
| 12 to 17 | 16 |
| 18 to 25 | 45 |
| 26 to 59 | 134 |
| >60 | 20 |
| Jumlah | 265 |

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 14 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 10,812 orang. Daripada jumlah ini, seramai 10,734 orang adalah penduduk dewasa dan 78 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 14 Januari 2022 adalah seramai 2,452,379 orang. Ini meliputi 2,115,505 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.69% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,407,960 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,095,692 orang atau 75.97% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,878 orang atau 77.62% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,268 atau 71.95% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **679,943** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,667 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 42 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 154 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 32 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan dua (2) tangkapan dibuat iaitu satu (1) tangkapan di bawah Enakmen 1968 Larangan Import (kayu Nibong) dan satu (1) lagi tangkapan di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002, Akta Kastam 1967 dan Akta Bekalan 1967.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,023 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) notis dikeluarkan oleh Majlis Daerah Penampang. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 286 premis perniagaan dan 7223 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 166 Premis Perniagaan melibatkan 293 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 26 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 26 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|-----|---------------|---------|
| 1 | Keningau | 98.3% |
| 2 | Kinabatangan | 98.2% |
| 3 | Kunak | 98.2% |
| 4 | Tenom | 98.2% |
| 5 | Beaufort | 98.2% |
| 6 | Sipitang | 98.2% |
| 7 | Kudat | 98.2% |
| 8 | Semporna | 98.1% |
| 9 | Beluran | 98% |
| 10 | Lahad Datu | 98% |
| 11 | Kota Marudu | 98% |
| 12 | Kota Kinabalu | 98% |
| 13 | Tawau | 98% |
| 14 | Kota Belud | 97.9% |
| 15 | Papar | 97.9% |
| 16 | Ranau | 97.9% |
| 17 | Sandakan | 97.9% |
| 18 | Tuaran | 97.8% |
| 19 | Penampang | 97.7% |

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II